



INSTITUTE OF STRATEGIC &
INTERNATIONAL STUDIES
(ISIS) MALAYSIA

Strategi menangani masalah gula di Malaysia

Nota penyelidikan

Oleh

Fahad Ijlal Nizam

Kata pengantar oleh

Datuk Prof Dr Mohd Faiz Abdullah

ISIS Malaysia

Institut Kajian Strategik & Antarabangsa (ISIS) Malaysia ditubuhkan pada 8 April 1983 dengan tujuan untuk memperkukuh kepentingan strategik Malaysia.

Sebagai sebuah organisasi penyelidikan bebas, kami memberikan tumpuan kepada dasar luar dan keselamatan; ekonomi dan perdagangan; dasar sosial dan pembinaan negara; teknologi dan siber; serta perubahan iklim dan tenaga.

Kami secara aktif melaksanakan diplomasi laluan kedua (track two), dengan menggalakkan pertukaran pandangan dan idea di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kami turut memainkan peranan penting dalam mengeratkan integrasi serantau dan kerjasama antarabangsa melalui pelbagai forum seperti Sidang Meja Bulat Asia-Pasifik, Rangkaian Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa ASEAN, Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia-Pasifik, Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik, Rangkaian Pemikir Asia Timur, Kumpulan Pemikir ASEAN-China, serta Dialog ASEAN-Australia-New Zealand.

Penulis

Fahad Ijlal Nizam merupakan seorang penyelidik dalam program Ekonomi, Perdagangan dan Integrasi Serantau. Salah satu tumpuan penyelidikannya ialah pergerakan modal insan, dengan kajian terdahulu meneliti kesan berpanjangan kolonialisme terhadap fenomena penghijrahan bakat moden di negara-negara membangun. Didorong minat mendalam terhadap tingkah laku manusia dan kesannya, beliau berusaha mengintegrasikan prinsip ekonomi tingkah laku ke dalam landskap dasar pembangunan.

© ISIS Malaysia 2026

Hak cipta peliharaan. Penerbitan ini, atau mana-mana bahagiannya, tidak boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk atau melalui apa jua kaedah, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang sistem penyimpanan dan capaian semula maklumat yang kini wujud atau yang akan dimulakan pada masa hadapan, tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Kata pengantar

Gula, yang suatu ketika dahulu merupakan kemewahan yang hanya dinikmati oleh maharaja dan golongan elit di China purba sehingga abad ke-18 kini digunakan secara meluas dan sukar dielakkan. Di seluruh dunia, pengambilan gula secara berlebihan, bersama pelbagai penyakit yang berkait dengannya, menjadi ciri utama kehidupan moden. Dan bersama kemewahan moden, hadir juga kesan moden. Dalam hal ini, Malaysia berada pada kedudukan yang tidak membanggakan dalam kalangan negara ASEAN: pertama dari segi kelaziman diabetes dan kedua dari segi obesiti.

Namun, di sebalik kecenderungan terhadap makanan dan minuman manis, isu ini pada asasnya merupakan cabaran dasar awam. Hubungan Malaysia dengan gula sudah lama dibentuk oleh budaya yang cenderung kepada kemanisan, kemudahan ekonomi, serta percanggahan dasar warisan. Walaupun kita wajar meraikan warisan kulinari yang kaya dan pelbagai, kita juga perlu berdepan dengan kos tidak disengajakan akibat kelimpahan ini, termasuk tekanan yang semakin meningkat terhadap sistem kesihatan dan kewangan awam, serta yang lebih penting, kesannya terhadap kesihatan rakyat Malaysia.

Nota penyelidikan ini menyediakan asas awal dengan meneliti bagaimana faktor kesihatan, ekonomi dan tingkah laku saling berinteraksi dalam membentuk hasil di peringkat kebangsaan. Ia mengenal pasti isu-isu legasi dalam landskap dasar gula Malaysia, serta menggariskan hala tuju yang konstruktif ke hadapan, berasaskan bukti dan reka bentuk dasar yang berpengetahuan.

Nota ini mengingatkan kita usaha memerangi penyakit tidak berjangkit tidak boleh bergantung kepada niat baik semata-mata. Seperti yang diungkapkan oleh Sun Tzu dalam *The Art of War*: “Pahlawan yang menang memastikan kemenangan terlebih dahulu sebelum berperang, manakala pahlawan yang tewas berperang dahulu dan kemudian barulah berusaha untuk menang.” Ini bermakna dalam perang melawan pengambilan gula berlebihan, kemenangan bergantung kepada keputusan untuk menang terlebih dahulu – melalui pembentukan dasar, insentif dan persekitaran tingkah laku yang tepat.

Datuk Prof Dr Mohd Faiz Abdullah

Pengerusi Eksekutif

Institut Kajian Strategik & Antarabangsa (ISIS) Malaysia

Ringkasan eksekutif

- **Rakyat Malaysia mengambil gula pada tahap yang membimbangkan – sekitar dua kali ganda daripada saranan lebih ketat Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 25g/hari.** Walaupun bukan satu-satunya punca, pengambilan gula berlebihan kekal sebagai faktor utama menyumbang kepada tahap kesihatan rakyat yang tidak memuaskan. Malah, kadar obesiti dan penyakit kencing manis di Malaysia adalah tinggi dan terus meningkat, antara yang tertinggi di Asia Tenggara setakat tahun 2022 (Bahagian 1).
- **Pada masa ini, cukai ke atas minuman bergula (SSB) dan Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL) merupakan dua dasar utama bagi mengurangkan pengambilan gula.** Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dan jurang – termasuk kesan jangka pendek yang terhad, isyarat harga yang lemah, kelemahan struktur, lambakan pengiklanan serta dorongan tingkah laku yang kurang berkesan (Bahagian 3).
- **Laporan ini mengemukakan beberapa cadangan dasar yang dibahagikan kepada pendekatan ekonomi dan pendekatan tingkah laku** (Bahagian 4).
- **Dari sudut ekonomi, penambahbaikan terhadap cukai SSB dan subsidi gula berpotensi meningkatkan kesan terhadap pengurangan pengambilan gula** (Bahagian 4.1). Pembuat dasar boleh mempertimbangkan penghapusan berperingkat subsidi gula bertapis dalam tempoh beberapa tahun, serta penstrukturan semula cukai SSB kepada model berasaskan kandungan gula mutlak. Selain itu, peluasan skop cukai bagi merangkumi minuman manis yang biasa diambil tetapi tidak berbungkus, seperti minuman di kedai mamak—juga penting bagi menangani kecenderungan pengguna beralih kepada alternatif yang tidak dikenakan cukai.
- **Dari sudut tingkah laku, penggunaan dorongan perilaku secara lebih menyeluruh boleh menjadi langkah kos rendah dalam jangka pendek untuk mengurangkan pengambilan gula rakyat Malaysia** (Bahagian 4.4). Dalam hal ini, penambahbaikan terhadap label sedia ada seperti HCL amat penting agar ia lebih tepat dan menyeluruh dari segi maklumat pemakanan. Di samping itu, pelabelan harga yang lebih menonjolkan kesan cukai boleh membantu meningkatkan kesedaran pengguna. Akhir sekali, penambahbaikan terhadap cadangan larangan pengiklanan termasuk pelaksanaan sekatan waktu siaran, serta penyeragaman tahap gula rendah bagi minuman di kedai mamak boleh memastikan usaha pengawalan gula merangkumi semua saluran utama penggunaan.


1 Latar belakang dan sorotan kajian

Gula memainkan peranan penting dalam masakan Malaysia, dengan purata orang dewasa mengambil sekitar 43g gula sehari, manakala remaja mengambil kira-kira 57g.¹ Ini bersamaan dengan 16–21 kg gula bagi setiap individu setahun – iaitu kira-kira berat dua tayar kereta biasa. Sebagai perbandingan, rakyat Malaysia mengambil hampir dua kali ganda daripada garis panduan pengambilan harian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu kurang daripada 25g sehari.²

Penilaian perbandingan pengambilan gula di seluruh ASEAN menunjukkan Malaysia mempunyai kadar pengambilan gula per kapita tertinggi (Rajah 1). Jika termasuk penggunaan industri, Malaysia menggunakan sekitar 57kg gula pada tahun 2023, iaitu 27% lebih tinggi daripada Thailand (kedua tertinggi) dan kira-kira tiga kali ganda berbanding Filipina.³ Selain itu, data Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS, 2024) menunjukkan separuh daripada jumlah pengambilan gula datang daripada minuman. Dengan kata lain, rakyat Malaysia minum gula hampir sebanyak mereka makan.⁴ Sumber utama minuman bergula di negara ini terbahagi kepada dua kategori: minuman “dibuat segar” (seperti Milo, teh tarik dan kopi 3-dalam-1) serta minuman “sedia diminum” (berbungkus).

Rajah 1. Malaysia mencatat pengambilan gula per kapita tertinggi di ASEAN

Pengambilan gula negara-negara anggota ASEAN (kg/tahun), termasuk penggunaan industri



Sumber: ilustrasi penulis berdasarkan Talha (2023)⁵


Pengambilan gula berlebihan dikaitkan dengan pelbagai kesan terhadap kesihatan seperti obesiti, diabetes dan penyakit jantung.⁶ Hal ini berlaku secara langsung melalui proses metabolisme gula, yang merangsang pembentukan lemak, penghasilan asid urik serta rintangan insulin di hati.⁷ Secara tidak langsung, sifat gula yang mudah diterima deria rasa dan tahap mengenyangkan yang rendah mendorong pengambilan kalori berlebihan serta

pertambahan berat badan, sekali gus meningkatkan risiko penyakit metabolik.⁸ Satu kajian membujur selama 34 tahun mendapati pengambilan dua atau lebih minuman bergula setiap hari dikaitkan dengan peningkatan risiko kematian keseluruhan sebanyak 21%, termasuk peningkatan 31% dalam kematian akibat penyakit kardiovaskular dan 16% akibat kanser – walaupun selepas mengambil kira faktor seperti diet dan gaya hidup.⁹

Sehubungan itu, kadar obesiti dan diabetes di Malaysia meningkat secara konsisten sejak tahun 1990-an. Setakat 2022, kira-kira satu daripada lima orang dewasa di Malaysia mengalami obesiti, manakala satu daripada lima hidup dengan diabetes jenis 2 (Rajah 2). Ini meletakkan Malaysia antara negara dengan kadar kelaziman tertinggi bagi kedua-dua penyakit tersebut dalam kalangan negara ASEAN, masing-masing pada kadar 22% bagi obesiti dan 21% bagi diabetes melitus (Rajah 3). Keadaan ini mencerminkan satu cabaran kesihatan awam yang serius, dicirikan penyakit berkaitan gaya hidup yang berlarutan selama beberapa dekad.


Rajah 2. Peningkatan ketara kadar diabetes dan obesiti di Malaysia...

Kelaziman obesiti dan diabetes di Malaysia (%)



Rajah 3. ...dan kini berada pada tahap antara tertinggi di ASEAN

Purata kelaziman obesiti dan diabetes dalam kalangan negara anggota ASEAN (%)




Sumber: Ilustrasi penulis berdasarkan data WHO (2023)¹⁰; Mustafa (1990), NHMS (1986, 1996, 2006, 2011, 2015, 2018, 2019, 2021, 2022 dan 2023); serta Persekutuan Diabetes Antarabangsa (2025)¹¹

Peningkatan mendadak penyakit-penyakit ini berpotensi menimbulkan kos ekonomi langsung dan tidak langsung yang besar. Kos langsung merujuk kepada beban kewangan serta-

merta yang berkaitan dengan rawatan, sama ada ditanggung oleh individu, penyedia insurans atau kerajaan. Manakala kos tidak langsung pula merujuk kepada kehilangan produktiviti serta ketidakupayaan untuk menyumbang kepada tenaga kerja.¹² Rajah 4 menunjukkan kos bagi empat jenis penyakit tidak berjangkit (NCD) pada tahun 2021, yang memperlihatkan dua dapatan utama. Pertama, kos tidak langsung merangkumi sebahagian besar daripada keseluruhan kos. Kedua, penyakit kencing manis merupakan NCD yang paling mahal di Malaysia, dengan anggaran kerugian ekonomi sekitar RM27.7 bilion – mengatasi penyakit kardiovaskular (CVD).¹³ Walaupun kematian pramatang menyumbang kepada peningkatan kos bagi CVD, kerugian akibat diabetes pula didorong penurunan keupayaan bekerja. Kedua-dua faktor ini tergolong dalam kos tidak langsung, sekali gus menekankan kerugian tersembunyi yang berpunca daripada populasi yang tidak sihat.¹⁴

Rajah 4. Kos tidak langsung merangkumi sebahagian besar kerugian ekonomi NCD

Kerugian ekonomi akibat penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia, RM bilion, 2021



Sumber: ilustrasi penulis berasaskan data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (2022)¹⁵

Jumlah keseluruhan kerugian ekonomi bagi keempat-empat penyakit tidak berjangkit (NCD) dianggarkan sekitar RM64 bilion, iaitu bersamaan lebih dua kali ganda peruntukan belanjawan Kementerian Kesihatan pada tahun 2022 (RM32 bilion).¹⁶ Tanpa tindakan dasar yang berkesan, beban NCD ini berpotensi terus mengekang ruang fiskal, sekali gus mengalihkan sumber daripada usaha pencegahan serta pelaburan pembangunan lain yang memberikan pulangan tinggi.

2 Konteks dasar Malaysia

Sebagai tindak balas terhadap kebimbangan kesihatan awam yang semakin meningkat, Malaysia memperkenalkan dua pendekatan dasar utama: Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL) dan cukai SSB. Kedua-duanya bertujuan mengurangkan pengambilan gula dengan mempengaruhi tingkah laku pengguna serta industri. Sehubungan itu, bahagian ini menghuraikan objektif, ciri-ciri dan mekanisme pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Pada tahun 2017, Kementerian Kesihatan memperkenalkan dasar dorongan maklumat yang dikenali sebagai Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL).¹⁷ Tujuan utamanya adalah untuk memberi panduan kepada rakyat Malaysia tentang minuman yang dianggap “lebih sihat”, sekali gus memperkasakan pengguna untuk membuat keputusan kesihatan yang lebih baik. Pendekatan dorongan ini menggunakan kaedah binari yang mudah, iaitu minuman sedia diminum di pasaran sama ada mempamerkan pelekat tersebut atau tidak. Yang penting, pelekat HCL hanya berasaskan satu kriteria utama – kandungan gula dalam minuman tidak boleh melebihi 5g/100ml. Setelah memenuhi syarat ini, syarikat boleh memohon untuk meletakkan label tersebut pada pembungkusan produk mereka (Rajah 5). Sejak pelaksanaannya, sebanyak 638 jenis minuman menerima pengiktirafan HCL.¹⁸

Rajah 5. Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL)

Reka bentuk terbaru, 2025



Sumber: Kementerian Kesihatan (2025)¹⁹

Susulan pelaksanaan HCL, cukai SSB, yang lebih dikenali sebagai “cukai soda”, diperkenalkan pada Julai 2019.²⁰ Ia merupakan antara pengenalan dasar yang penting bagi mengurangkan pengambilan gula berlebihan dalam kalangan rakyat Malaysia.²¹ Pada peringkat awal, cukai ini mengenakan kadar 40 sen seliter ke atas pelbagai jenis minuman sedia diminum (Jadual 1), sekiranya kandungan gula melebihi ambang 5g/100ml.²² Kemudian pada tahun 2022, skop cukai tersebut diperluas untuk merangkumi minuman pra-campuran seperti produk teh, kopi dan koko “2-dalam-1”.²³ Seterusnya, kadar cukai dinaikkan kepada 50 sen seliter, dengan perancangan untuk meningkatkan levi tersebut sebanyak 80% kepada 90 sen seliter.²⁴

Rajah 1. Cukai SSB mengikut struktur cukai berasaskan isipadu

| Kategori | Ambang gula | Kadar cukai SSB (setiap liter) | Contoh |
|---|-------------|--------------------------------|---------------------------------------|
| Jus buah-buahan dan sayur | 12g/100ml | 50 sen | Jus oren |
| Minuman berkarbonat, minuman tanpa alkohol, kecuali produk susu berasaskan haiwan | 5g/100ml | 50 sen | Soda, minuman tenaga |
| Minuman berasaskan susu | 7g/100ml | 50 sen | Minuman berasaskan susu UHT berperisa |
| Minuman pra-campuran (Contoh 2 dalam 1, 3 dalam 1) | 33.3g/100g | 50 sen setiap 100g | Kopi 3-dalam-1, minuman coklat malt |

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (2024)

Terdapat dua ciri penting dalam cukai SSB. Pertama, sifat ambang mewujudkan zon pengecualian cukai bagi minuman yang mengandungi gula di bawah 5g/100ml. Cukai ini bertujuan untuk meningkatkan harga, sekali gus mengurangkan insentif penggunaan minuman bergula, di samping menggalakkan reformulasi minuman oleh industri. Walaupun ambang berbeza mengikut kategori, kadar cukai kekal tetap (Jadual 1). Kedua, cukai SSB menggunakan struktur cukai berasaskan isipadu, iaitu minuman yang layak dikenakan cukai berdasarkan jumlah isipadu. Dengan kata lain, minuman lebih besar dikenakan cukai yang lebih tinggi berbanding minuman lebih kecil (rujuk Jadual A2 dalam lampiran bagi pecahan pengiraan cukai berasaskan isipadu). Secara keseluruhannya, ciri-ciri ini menentukan bagaimana cukai SSB mempengaruhi tingkah laku pengguna dan tindak balas industri.

Secara bersama, kedua-dua dasar ini membentuk pendekatan ganjaran dan hukuman – cukai berfungsi sebagai insentif kepada syarikat untuk melakukan reformulasi produk, manakala HCL pula bertindak sebagai ganjaran kepada pematuhan. Memandangkan kedua-dua dasar ini berkongsi kriteria kelayakan yang sama, ia mencetuskan gelombang reformulasi minuman secara besar-besaran, dengan pemain industri utama seperti Nestlé, Power Root Berhad dan Fraser & Neave Holdings Bhd melaporkan sebahagian besar produk mereka kini berada di bawah paras yang dikenakan cukai.²⁵ Walaupun kebanyakan minuman kini tidak dikenakan cukai, dan oleh itu lebih murah, kandungan gulanya juga berkurang berbanding sebelumnya. Pembaharuan dasar yang dicadangkan pada tahun 2025 dibincangkan dalam Bahagian 3, di mana analisis menunjukkan terdapat kelemahan struktur yang menjejaskan keberkesanan keseluruhannya.

3 Perbincangan dan jurang

Landskap peraturan gula di Malaysia secara keseluruhannya merupakan satu langkah awal yang baik dalam menangani masalah pengambilan gula berlebihan. Namun begitu, dasar sedia ada masih mempunyai beberapa batasan, dan analisis lebih mendalam menunjukkan terdapat pelbagai jurang yang menyebabkan kejayaan awal dasar tersebut tidak berpanjangan. Sehubungan itu, bahagian ini membincangkan masalah utama dalam dasar gula semasa.

3.1 Masalah cukai SSB

Kesan cukai SSB terhad, sebahagiannya disebabkan isyarat harga yang lemah. Dari sudut kesan harga, permintaan terhadap minuman yang dikenakan cukai adalah dengan kajian menunjukkan peningkatan 10% dalam harga minuman SSB hanya mengurangkan pembelian sekitar 1.7%.²⁶ Dalam satu kajian lain yang menggunakan data pra-cukai, levi sebanyak 40 sen seliter dianggarkan hanya mengurangkan volum SSB sekitar 9.25%, dengan andaian faktor lain kekal.²⁷ Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan pengurangan yang sederhana dalam penggunaan minuman bercukai, sekali gus mencadangkan kesan yang agak kecil terhadap pengurangan keseluruhan pengambilan gula.

Secara strukturnya, kelemahan isyarat harga ini berpunca daripada sistem cukai berasaskan isipadu, yang menghasilkan peningkatan harga yang tidak sekata antara saiz produk. Menurut Bank Dunia, cukai SSB sepatutnya meningkatkan harga runcit sekurang-kurangnya 20%.²⁸ Sebagai contoh, minuman 320ml yang berharga RM1.54 sebelum cukai sepatutnya dikenakan cukai sekurang-kurangnya 31 sen (iaitu kenaikan 20% daripada harga asal). Namun, berdasarkan pengiraan dalam Jadual 2, minuman dikenakan cukai mengikut isipadu – di mana jumlah cukai berkurang apabila saiz minuman semakin kecil. Keadaan ini secara tidak langsung memberi insentif kepada pengguna untuk memilih saiz minuman yang lebih kecil, kerana ia lebih mampu milik dan mudah diperoleh, bukannya mengurangkan pengambilan gula secara keseluruhan. Satu kajian mikrosimulasi yang membandingkan keberkesanan pelbagai struktur cukai gula mendapati model berasaskan isipadu mempunyai kesan kesihatan dan ekonomi paling lemah, terutamanya kerana insentif yang rendah kepada industri untuk melakukan reformulasi produk.²⁹ Perincian lanjut mengenai perbandingan struktur cukai SSB Malaysia dengan negara lain boleh dirujuk dalam Lampiran (Jadual A1).

Jadual 2. Lebih kecil minuman, lebih rendah cukai

| Isi padu | Gula | Harga sebelum cukai (RM) | Cukai (RM) | % peningkatan cukai |
|----------|------|--------------------------|------------|---------------------|
| 1.5l | 75g | 3.15 | 75 sen | 23.81% |
| 500ml | 25g | 2.20 | 25 sen | 11.36% |
| 320ml | 16g | 1.54 | 16 sen | 10.75% |

Sumber: pengiraan penulis berdasarkan data Lotus (2025)³⁰ serta parameter yang ditetapkan Bank Dunia (2020)

Walaupun pengambilan minuman SSB yang dikenakan cukai mungkin menurun, pengguna dan syarikat masih boleh beralih kepada alternatif gula yang tidak dikenakan cukai. Sebagai contoh, pengeluar boleh melakukan reformulasi bagi memastikan produk mereka berada di bawah ambang cukai, pengguna pula boleh beralih kepada minuman yang disediakan secara segar (seperti Milo, teh tarik atau air balang) atau produk manis lain yang tidak dikenakan cukai. Isu ini menjadi lebih ketara memandangkan corak pengambilan di Malaysia, di mana seorang dewasa mengambil 7.3 hidangan minuman SSB yang disediakan sendiri setiap minggu, berbanding hanya 4.6 hidangan minuman SSB sedia diminum.³¹ Sejalan dengan ini, pengambilan gula per kapita Malaysia kekal tertinggi di ASEAN walaupun selepas pelaksanaan cukai (Rajah 1). Secara keseluruhan, kadar dan skop dasar sedia ada dilihat tidak mencukupi untuk menghasilkan pengurangan besar dalam pengambilan gula di peringkat kebangsaan.

Kesan yang terhad ini juga boleh dikaitkan dengan percanggahan dasar antara subsidi gula dan pengecualian cukai jualan. Walaupun subsidi gula dimansuhkan pada tahun 2013, kawalan harga berpanjangan – yang ditetapkan di bawah kos pengeluaran dan harga import serantau mendorong kerajaan memperkenalkan semula insentif pembayaran sebanyak RM1/kg kepada pengeluar sejak November 2023.³² Namun, mengekalkan subsidi ini melibatkan kos yang besar kepada kesihatan awam dan kewangan negara. Dianggarkan sekitar RM500-600 juta setahun dibelanjakan untuk mengekalkan harga gula yang secara artifisial rendah.³³ Ironinya, hasil kutipan cukai SSB yang berjumlah kira-kira RM358 juta setahun digunakan sebahagiannya untuk membiayai subsidi ini.³⁴ Pada tahun 2025, Kementerian Kewangan turut mengumumkan gula bertapis kekal dikecualikan cukai di bawah semakan semula cukai jualan dan perkhidmatan (SST).³⁵

Akhir sekali, zon pengecualian cukai pada paras 5g/100ml berpotensi menjadikan semakan kadar cukai pada masa hadapan kurang berkesan. Apabila sebahagian besar syarikat melakukan reformulasi produk untuk berada di bawah ambang tersebut, kenaikan kadar cukai tidak lagi memberi kesan besar kepada mereka. Ini melemahkan pengaruh jangka panjang cukai terhadap tingkah laku industri, serta mengurangkan keupayaannya untuk mendorong pengurangan ketara dalam pengambilan gula. Oleh itu, pengecualian berasaskan ambang ini boleh dianggap sebagai satu kelompondangan dasar yang mengehadkan keberkesanan dan impaknya dari semasa ke semasa.

3.2 Masalah dengan Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL)

HCL dilihat mempunyai kesan sebaliknya daripada yang dihasratkan sebagai satu dorongan tingkah laku, malah berpotensi membentuk pemahaman terpesong tentang maksud makanan dan minuman sihat. Isu ini berpunca daripada kriteria terlalu simplistik, iaitu hanya berdasarkan satu ambang gula sebanyak 5g/100ml, yang kemudiannya mencetuskan reformulasi besar-besaran industri bagi mengelakkan cukai SSB. Akibatnya, kebanyakan minuman kini berada di bawah paras ambang tersebut. Minuman berkarbonat seperti F&N strawberi, A&W root beer, Pepsi, Mountain Dew, F&N Sarsi dan Kickapoo, walaupun masih mengandungi bahan pengawet, perisa tambahan serta pemanis tiruan tetap diberikan pengiktirafan sebagai “lebih sihat” (Rajah 6).

Rajah 6. Pilihan ‘lebih sihat’?

Minuman bergula yang mempunyai logo HCL



Sumber: gambar penulis berdasarkan tinjauan di kedai terhadap minuman di Malaysia

Sifat binari HCL turut menghadkan keberkesannya kerana tidak membolehkan perbandingan merentas produk secara bermakna. Sebagai contoh, minuman dalam Rajah 6 semuanya mempamerkan logo HCL, manakala Coca-Cola versi biasa tidak, walaupun kedua-duanya tergolong dalam kategori minuman makanan segera. Ini mewujudkan persepsi yang mengelirukan sesuatu produk itu “lebih sihat” hanya kerana mempunyai label tersebut. Isu yang sama timbul apabila membandingkan dua minuman yang sama-sama mempunyai label HCL, adakah ini bermaksud kedua-duanya sama tahap kesihatannya, atau salah satunya “lebih sihat” daripada yang lain? Akibatnya, kekaburan ini berisiko menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna, sekali gus mengurangkan keberkesanan logo tersebut dalam menggalakkan pilihan pemakanan yang lebih sihat.

Pada Oktober 2025, Kementerian Kesihatan mengumumkan rancangan untuk melaksanakan sistem penggredan Nutri-Grade baharu di Malaysia, namun langkah ini

masih bergantung sepenuhnya kepada kandungan gula. Sistem ini diperkenalkan sebagai sistem penggredan pelbagai tahap, dengan minuman dilabelkan dari gred “A hingga D” berdasarkan kepekatan gula. Walaupun ini merupakan langkah ke arah yang betul, tumpuan yang hanya kepada kandungan gula gagal mengambil kira nilai zat makanan kepada minuman secara menyeluruh. Contohnya, ia tidak mengambil kira ketiadaan zat makanan bermanfaat, kewujudan bahan tambahan tiruan, serta kekosongan zat makanan dalam produk yang melalui reformulasi. Perkara ini jelas apabila minuman yang mendapat kelulusan HCL di bawah sistem nutrigrade Singapura diberikan gred “B”, namun algoritma nutrigrade Eropah yang lebih ketat, yang mengambil kira zat makanan selain gula menilai minuman sama sebagai gred “D”.³⁶

Menguatkan lagi salah faham terhadap kesihatan ini ialah kekurangan peraturan terhadap pengiklanan minuman SSB. Kajian sistematik mendapati tahap pendedahan dan penerimaan terhadap iklan minuman berkait secara langsung dengan peningkatan penggunaan minuman SSB³⁷ di mana individu yang lebih mudah terpengaruh dengan iklan didapati mengambil 48% lebih banyak minuman SSB.³⁸ Pendedahan berlebihan kepada pengiklanan boleh mengaktifkan laluan psikologi melalui perkaitan positif terhadap jenama, meningkatkan penerimaan terhadap mesej pemasaran, serta mengurangkan persepsi terhadap risiko kesihatan. Secara tidak langsung, ia boleh mempengaruhi pengguna ke arah pilihan makanan yang tidak sihat, termasuk minuman bergula.⁴⁰

Kanak-kanak dan remaja merupakan kumpulan paling terdedah kepada kesan pengiklanan berlebihan. Ini kerana sistem kawalan kognitif mereka masih dalam proses perkembangan, menjadikan mereka lebih sensitif kepada sistem ganjaran serta lebih mudah dipengaruhi oleh isyarat pemasaran.⁴¹ Contohnya ialah perkaitan kuat minuman bergula seperti Milo dengan sukan, yang seolah-olah memberi gambaran produk tersebut meningkatkan prestasi sukan. Walaupun terdapat sedikit kebenaran dalam dakwaan ini, memandangkan kandungan malt, susu dan koko dalam Milo boleh membekalkan tenaga untuk aktiviti fizikal. Namun begitu, ini tidak mengubah hakikat kandungan gulanya masih tinggi – sehingga 9.5g bagi setiap 30ml Milo, iaitu kira-kira 6.3 kali ganda had gula 5g/100ml.⁴²

Walaupun Kementerian Kesihatan melaksanakan larangan pengiklanan terhadap minuman yang mengandungi lebih daripada 10g gula per 100ml, kesannya mungkin terhad. Ini kerana kebanyakan minuman yang kini diiklankan (yang melalui reformulasi) sudah berada di bawah ambang tersebut dan oleh itu tidak tertakluk kepada larangan. Semua minuman “lebih sihat” dalam Rajah 6 masih boleh diiklankan di bawah larangan baharu ini. Lebih membimbangkan, variasi dalam satu rangkaian produk mewujudkan ruang kelabu dari segi penguatkuasaan. Sebagai contoh, Mountain Dew Blue Shock (12.4g/100ml) akan dilarang, manakala Pitch Black (4.9g/100ml) masih boleh diiklankan walaupun berada di bawah jenama sama – sekali gus mewujudkan kelompondan yang boleh melemahkan keberkesanan dasar tersebut.

Di sebalik reformasi dilaksanakan baru-baru ini, pilihan “lebih sihat” yang tidak wajar masih terus diiklankan secara meluas – sekali gus menyelewengkan kefahaman masyarakat tentang diet sihat. Satu tinjauan kementerian mendapati 80% responden menganggap cadangan HCL sebagai “boleh dipercayai dan diyakini”.⁴³ Oleh itu, Malaysia perlu meminda dasar ini sebelum lebih ramai pengguna terus terpedaya dengan persepsi produk yang sebenarnya rendah nilai zat makanan dianggap sebagai pilihan sihat.

4 Cadangan dasar


Bahagian ini menyoroti dua pendekatan dasar yang saling melengkapi. Pendekatan pertama ialah pendekatan ekonomi secara langsung, yang merangkumi penghapusan berperingkat subsidi gula, peralihan daripada sistem cukai berasaskan isipadu kepada sistem cukai berasaskan kandungan gula mutlak, serta peluasan skop cukai kepada produk seperti susu pekat manis. Sebagai pelengkap, dasar berasaskan tingkah laku juga perlu diperkukuh. Ini termasuk pelaksanaan sistem penggredan lebih menyeluruh dan berasaskan zat makanan, seperti sistem nutri-score, pindaan terhadap sekatan pengiklanan sedia ada, serta penyeragaman tahap gula rendah dalam minuman kedai mamak bagi mengurangkan pengambilan gula secara lebih meluas di peringkat pengguna. Sesungguhnya, penyelesaian yang berkesan terletak pada gabungan kedua-dua pendekatan ini. Tumpuan semata-mata kepada dasar ekonomi berisiko meningkatkan tekanan kos sara hidup.

Pendekatan dasar ekonomi

4.1 Penghapusan berperingkat subsidi gula

Untuk mencapai kemajuan yang bermakna dalam mengurangkan pengambilan gula di peringkat kebangsaan, kerajaan perlu terlebih dahulu menangani percanggahan dalam dasar subsidi sedia ada. Reformasi paling mendesak harus bermula dengan penghapusan subsidi tersebut. Adalah difahami kebanyakan kerajaan bimbang terhadap reaksi negatif masyarakat apabila subsidi ditamatkan. Namun, realitinya tindakan tegas amat diperlukan kerana Malaysia tidak lagi mampu mengekalkan subsidi gula berikutan kemerosotan tahap kesihatan rakyat, tekanan terhadap kewangan negara serta kerugian ekonomi yang semakin meningkat.

Rajah 7. Mengurangkan subsidi gula 20 sen setiap tahun selama lima tahun



Sumber: ilustrasi penulis

Nota: Harga pasaran gula kasar ialah RM3.85/kg, manakala harga bersubsidi RM2.85/kg

Pendekatan yang mampan dan praktikal ialah melaksanakan penghapusan subsidi secara berperingkat dalam tempoh beberapa tahun – dengan mengurangkan subsidi sebanyak 20 sen setiap tahun selama lima tahun (Rajah 7). Melalui kenaikan harga secara beransur-ansur, pendekatan ini bukan sahaja memberi masa mencukupi kepada pengeluar dan pemain industri untuk menyesuaikan diri dengan struktur harga baharu, malah yang lebih penting, dapat mengurangkan tekanan kewangan ke atas pengguna. Kajian kes dari negara seperti Indonesia, Mesir dan India menunjukkan reformasi dasar secara berperingkat seperti ini berkesan dalam mendapatkan penerimaan awam dan sokongan politik.⁴⁴ Dalam situasi yang memerlukan pendekatan lebih sederhana, tempoh pelaksanaan juga boleh dipanjangkan kepada 10 tahun dengan kadar peningkatan 10 sen setahun. Dari sudut penjimatan, setiap kenaikan sebanyak 20 sen dianggarkan menghasilkan penjimatan sekitar RM100-120 juta setahun.⁴⁵ Oleh itu, pendekatan ini boleh dianggap sebagai penyelesaian yang seimbang, baik dari segi pelaksanaan mahupun hasil kesihatan awam.

4.2 Peralihan kepada struktur cukai berasaskan kandungan gula mutlak

Pada masa yang sama, Malaysia wajar mempertimbangkan penstrukturan semula daripada sistem cukai berasaskan isi padu kepada sistem cukai berasaskan kandungan gula mutlak. Dalam struktur ini, setiap gram gula dalam sesuatu produk akan dikenakan cukai, sekali gus menyelaraskan kos kewangan dengan tahap kemudahan kesihatan. Kajian mikrosimulasi yang dirujuk sebelum ini mendapati cukai berperingkat atau berasaskan kandungan gula mutlak mampu menjana manfaat kesihatan dan ekonomi yang paling besar.⁴⁶

Walaupun pada kadar sederhana seperti 2 sen bagi setiap gram gula, pendekatan ini memadai untuk memastikan semua saiz minuman bergula mencapai piawaian yang disyorkan, iaitu sekurang-kurangnya peningkatan 20% dalam harga runcit (Jadual 3).⁴⁷ Pada masa sama, minuman dengan isipadu lebih besar akan dikenakan cukai yang jauh lebih tinggi – sekali gus mengurangkan insentif pembelian dan penggunaan secara pukal.

Jadual 3. Cukai 2 sen bagi setiap gram gula sejajar dengan piawaian Bank Dunia

| Isi padu(ml) | Gula | Sebelum (RM) | Cukai (RM) | % peningkatan cukai |
|--------------|------|--------------|------------|---------------------|
| 1,500 | 75g | 3.15 | 1.50 | 48% |
| 500 | 25g | 2.20 | 5 sen | 23% |
| 320 | 16g | 1.54 | 32 sen | 21% |

Sumber: pengiraan penulis

Penstrukturan semula ini juga berpotensi meningkatkan hasil kerajaan. Penggunaan minuman SSB sedia diminum dianggarkan sekitar 1.9 bilion liter setahun.⁴⁸ Dengan menggunakan (elasticity) permintaan sebanyak -0.173 dan mengandaikan setiap liter mengandungi 4.8g/100ml (di bawah ambang semasa), hasil cukai gula tahunan yang dianggarkan pada kadar 2 sen ialah sebanyak RM1.68 bilion. Angka ini mewakili peningkatan lima kali ganda berbanding kutipan semasa. Walaupun andaian ini mungkin tidak mencerminkan senario sebenar selepas cukai dilaksanakan, ia tetap memberi gambaran tentang potensi hasil cukai tersebut. Sekiranya ambang bebas cukai semasa dikekalkan, jumlah ini dijangka jauh lebih rendah.

Oleh itu, struktur cukai baharu ini wajar menurunkan ambang pengecualian kepada 4g/100ml atau menghapuskannya sepenuhnya – bagi memastikan liputan cukai yang menyeluruh. Pendekatan ini menyamai pelaksanaan cukai SSB di Afrika Selatan, yang kini turut berdepan dengan penunjuk kesihatan yang semakin merosot (Jadual A1). Walaupun langkah dicadangkan ini merupakan antara bentuk cukai gula yang paling agresif, hasil dari segi kewangan dan kesihatan awam menjadikannya satu pendekatan yang berbaloi.

4.3 Meluaskan skop produk bercukai

Pengenaan cukai ke atas susu pekat manis boleh membantu merangkumi minuman kedai mamak dalam skop dasar, sekali gus menyelaraskan cukai dengan corak penggunaan rakyat Malaysia. Pada masa ini, kebanyakan minuman yang dijual di restoran mamak terlepas daripada cukai kerana tidak dipra-bungkus dan masih mendapat manfaat daripada subsidi gula. Oleh itu, meluaskan skop cukai merangkumi pengganti gula utama seperti susu pekat bukan sahaja akan mengukuhkan isyarat harga merentasi lebih banyak produk, malah mengurangkan kecenderungan pengguna untuk beralih kepada alternatif yang lebih murah tetapi kurang sihat. Pendekatan percukaian yang lebih menyeluruh adalah penting sekiranya Malaysia mahu mengurangkan pengambilan gula dan menangani kos kesihatan yang berkaitan.

Pendekatan dasar berasaskan tingkah laku

4.4 Menambah baik HCL untuk dorongan yang lebih tepat dari sudut pemakanan

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, Kementerian Kesihatan sudah lama menyedari kelemahan struktur HCL dan baru-baru ini mencadangkan sistem nutri-grade, yang menilai semata-mata berdasarkan kandungan gula. Fokus yang terlalu sempit ini mengabaikan kerumitan profil pemakanan minuman bergula, sekali gus membolehkan produk tidak benar-benar sihat memperoleh gred “B” yang kelihatan baik – seterusnya memesongkan persepsi awam terhadap kesihatan.

Bagi meningkatkan ketepatan dan ketegasannya, Malaysia wajar mempertimbangkan penggunaan algoritma pemarkahan seperti dalam sistem nutri-score – versi Kesatuan Eropah bagi pelabelan pelbagai gred (Rajah 8). Walaupun nutri-grade dan nutri-score berkongsi beberapa persamaan, kedua-duanya berbentuk hierarki dan hampir serupa dari segi visual – namun kaedah penilaiannya berbeza. Sebagai contoh, tidak seperti nutri-grade yang hanya menggunakan gula sebagai kriteria utama, nutri-score lebih menyeluruh kerana menggunakan algoritma yang mengimbangi faktor pemakanan negatif (gula/lemak/garam/pemanis) dengan

nutrien positif (buah/protein/serat).⁴⁹ Walaupun pelaksanaan nutri-grade pada Oktober merupakan satu langkah ke hadapan, penggabungan algoritma nutri-score akan menghasilkan sistem pelabelan lebih kukuh dan tepat dari sudut pemakanan – sekali gus menangani kelemahan yang dijangka timbul. Jadual A.4 dan A.5 menyediakan perincian lanjut mengenai sistem penggredan nutri-score.

Rajah 8. Gred nutri-score yang wajar dicontohi HCL

Skala penggredan A–E



Sumber: Antikwar (2024)⁵⁰

Ketepatan sistem nutri-score terbukti berjaya di negara Kesatuan Eropah seperti Belanda dan Perancis.⁵¹ Menggunakan data panel pembelian di Perancis, kajian menunjukkan peningkatan jualan bagi produk dengan gred nutri-score A dan B (masing-masing +0.3 dan +0.4 mata peratusan), manakala jualan produk bergred E menurun sebanyak 0.5 mata peratusan.⁵² Selain itu, sistem penggredan yang lebih menyeluruh ini mendorong persaingan dalam menghasilkan produk lebih sihat, kerana industri terpaksa mengambil kira kandungan ramuan. Hierarki kualiti pemakanan yang jelas akan mewujudkan tekanan reputasi dan pasaran kepada pengeluar untuk menambah baik formulasi produk mereka bagi mencapai gred lebih baik. Namun begitu, satu kekangan yang dikenal pasti ialah walaupun intervensi ini mempengaruhi pilihan produk ke arah yang lebih sihat, ia tidak memberi kesan terhadap kuantiti penggunaan.⁵³

Dengan hampir separuh rakyat Malaysia bergantung kepada label sebagai panduan, penambahbaikan dari segi ketepatan maklumat adalah amat penting. Di samping itu, peluasan keperluan pelabelan untuk merangkumi minuman kedai mamak yang sebelum ini tidak dikawal selia dapat merapatkan jurang maklumat antara minuman sedia diminum dan minuman yang disediakan segar, sekali gus membolehkan pengguna membuat perbandingan lebih adil merentasi semua jenis minuman.

Dari sudut pelaksanaan, pematuhan mandatori mungkin tidak diperlukan memandangkan HCL sebelum ini mencatat kadar penerimaan sukarela yang tinggi. Pendekatan ini juga berpotensi mewujudkan persekitaran “perlumbaan ke arah kecemerlangan”, di mana syarikat bersaing bukan sahaja dari segi harga dan penjenamaan, tetapi juga nilai kesihatan. Liputan menyeluruh adalah ideal kerana ia mengukuhkan kredibiliti rangka kerja pelabelan serta membolehkan pilihan lebih sihat melalui pembuatan keputusan yang lebih bermaklumat. Akhirnya, penambahbaikan kriteria nutri-grade berupaya memperkukuh peranan alat maklumat ini dalam menangani krisis kesihatan pemakanan di Malaysia.

4.5 Meningkatkan keterlihatan cukai ke atas minuman bergula


Pada masa ini, cukai dimasukkan secara terus dalam harga runcit akhir sesuatu minuman, menjadikan nilai tambahan akibat cukai itu tidak kelihatan kepada pengguna. Keadaan ini boleh melemahkan kesan tingkah laku dasar tersebut, kerana pengguna kurang menyedari kenaikan harga yang berpunca daripada cukai.⁵⁴ Ini sekali gus mengehadkan keberkesanan dasar, apabila ketiadaan perbezaan harga yang jelas menyebabkan reaksi pengguna terhadap isyarat dasar menjadi lemah.⁵⁵

Langkah dasar yang lebih berkesan adalah dengan memberi dorongan kepada tingkah laku pengguna, dan salah satu caranya ialah meningkatkan keterlihatan cukai SSB. Contohnya, komponen cukai boleh dipaparkan secara jelas pada tanda harga (Rajah 9). Satu kajian mendapati paparan cukai secara terang di tempat pembelian boleh mengurangkan permintaan sebanyak tambahan 8%, selain penurunan awal yang disebabkan kenaikan harga.⁵⁶ Kajian susulan di Amerika Syarikat turut menunjukkan dapatan yang menyokong, di mana mesej pada tanda harga berjaya menghentikan 30-40% ibu bapa daripada membeli minuman bergula.⁵⁷


Rajah 9. Meningkatkan keterlihatan cukai SSB

Contoh tanda harga sebelum dan selepas memaparkan cukai

Tanda harga asal



Tanda harga baru



Sumber: ilustrasi penulis berdasarkan Chetty et al. (2009)

Mewajibkan peruncit untuk melaksanakan pelabelan yang dicadangkan ini boleh menjadi satu alat praktikal dan berkos rendah bagi mengurangkan pengambilan gula secara berlebihan. Malaysia boleh mempertimbangkan pelaksanaan secara perintis, dengan merujuk dapatan kajian Chetty, sambil pada masa yang sama meningkatkan ketelusan cukai. Sekiranya dilaksanakan, Malaysia berpotensi menjadi negara pertama yang memperkenalkan dorongan harga yang begitu ketara, dengan eksperimen Chetty sebagai satu-satunya rujukan sedia ada. Walau bagaimanapun, jika dilaksanakan secara berkesan, reformasi ini bukan sahaja berfungsi sebagai dasar pelengkap, malah dapat memperkukuh kesan tingkah laku cukai tersebut. Akhirnya, ia memastikan pengguna benar-benar menyedari kos sebenar minuman bergula.

4.6 Memperketat kawal selia pengiklanan

Sebelum larangan Oktober 2025, Malaysia bergantung kepada dua dasar sukarela – Garis Panduan Makanan Segera (2008) dan Malaysia Pledge (2013) – untuk mengawal selia pengiklanan minuman SSB.⁵⁸ Namun, kajian menunjukkan kegagalan pendekatan kawal selia

kendiri ini. Model ini bergantung kepada industri untuk mengawal diri sendiri, yang bercanggah dengan kepentingan komersial dan dorongan keuntungan mereka.⁵⁹ Hal ini jelas apabila negara menyaksikan peningkatan enam kali ganda dalam iklan makanan segera antara 2012 hingga 2022.⁶⁰ Memandangkan kuasa pengaruh pengiklanan yang tinggi, aspek kawal selia perlu diberi perhatian lebih serius sekiranya matlamatnya adalah untuk mengurangkan pengambilan gula berlebihan.

Larangan yang dirancang ke atas pengiklanan minuman dengan kandungan gula melebihi 10g/100ml sememangnya satu langkah ke arah tadbir urus yang lebih tegas. Namun, seperti yang dihuraikan dalam Bahagian 3, langkah ini mungkin memberi kesan terhad akibat penyesuaian industri, yang membolehkan minuman tidak sihat seperti A&W root beer, Pepsi dan Fanta terus diiklankan.

Terdapat dua langkah penting untuk memastikan keberkesanan reformasi ini. Pertama, Malaysia perlu menyelaraskan peraturan dengan menetapkan ambang pengiklanan, percukaian dan pelabelan pada 5g/100ml merentasi semua platform. Ini bukan sahaja memastikan konsistensi dasar, malah meluaskan liputan kepada minuman dalam julat 5-10g. Kedua, Malaysia boleh melaksanakan sekatan waktu siaran yang menghadkan penyiaran iklan minuman bergula kepada slot masa tertentu. Langkah ini dapat melindungi golongan lebih terdedah seperti kanak-kanak daripada pengaruh pengiklanan. Sebagai contoh, Chile melarang iklan antara jam 6 pagi hingga 10 malam, yang berjaya mengurangkan pendedahan iklan kepada kanak-kanak sebanyak 73% serta mendorong reformulasi industri secara signifikan.⁶¹ Begitu juga di United Kingdom, sekatan siaran yang disokong penalti kewangan dijangka dapat mencegah puluhan ribu kes obesiti kanak-kanak dan menjimatkan ekonomi sehingga £2 bilion (RM11 bilion).⁶²

Walaupun sekatan mandatori melibatkan kos pelaksanaan, kos ini bersifat jangka pendek dan perlu ditimbang dengan manfaat jangka panjang dalam mewujudkan persekitaran makanan yang lebih sihat. Dalam konteks ini, pelaksanaan secara berperingkat adalah pendekatan terbaik bagi mengurus cabaran seperti pembangunan perundangan dan tentangan industri – dengan memberi tumpuan awal kepada produk paling tidak sihat sebelum diperluaskan secara menyeluruh.⁶³

4.7 Menetapkan paras gula standard bagi minuman kedai mamak

Selain mengenakan cukai ke atas susu pekat manis, Malaysia juga boleh mempertimbangkan penetapan aras gula standard bagi minuman yang disediakan secara segar di kedai mamak. Pilihan standard merupakan satu dorongan tingkah laku sangat berkesan, yang apabila dilaksanakan dengan betul, mampu menghasilkan perubahan tingkah laku secara segera dan signifikan. Fenomena ini sebahagian besarnya kerana kecenderungan individu untuk kekal dengan pilihan standard (bias status quo), walaupun terdapat alternatif lebih baik – terutamanya dalam situasi yang melibatkan keutamaan peribadi.⁶⁴

Menyedari hakikat ini, Singapura melancarkan gerakan “siu dai by default” pada tahun 2023, yang menjadikan minuman “kurang manis” sebagai pilihan standard.⁶⁵ Restoran dibekalkan dengan kit siu dai yang mengandungi sudu penyukat bagi menyeragamkan paras gula. Pengguna masih boleh memilih untuk dikecualikan sekiranya mereka mahukan minuman yang lebih manis.

Pada tahun 2024, Malaysia turut menjalankan kempen serupa yang dikenali sebagai “kurang manis”, namun ia bergantung kepada pilihan sukarela. Walaupun disertakan dengan insentif diskaun (10-20 sen) bagi pilihan kurang gula, peniaga melaporkan hanya satu daripada 10 pelanggan memilih untuk mengurangkan gula – menunjukkan kesan tingkah laku yang terhad.⁶⁶ Ini menekankan kekuatan bias status quo, walaupun terdapat insentif harga, serta pentingnya memahami tingkah laku dalam reka bentuk dan pelaksanaan dasar.

Berdasarkan pengalaman ini, Malaysia boleh memperkenalkan semula program “kurang manis” dengan menukarnya kepada sistem memilih untuk dikecualikan. Pelaksanaan boleh dimulakan dengan pengedaran meluas alat penyukat gula kepada premis yang terlibat. Memandangkan pelaksanaan secara menyeluruh mungkin mencabar, usaha boleh dimulakan dengan memberi keutamaan kepada francais besar seperti Nasi Kandar Pelita (28 cawangan) dan Old Town White Coffee (lebih 200 cawangan), bagi memastikan capaian yang luas dan konsisten.⁶⁷ Secara keseluruhannya, penetapan aras gula secara standard boleh menjadi mekanisme praktikal bagi kerajaan mengawal minuman di kedai mamak, di samping menangani kesan penggantian.

Lampiran

Cukai gula Malaysia berbanding piawaian global

Berdasarkan data Bank Dunia, terdapat 132 variasi cukai SSB yang dilaksanakan di seluruh dunia, merangkumi dasar di peringkat nasional dan subnasional.⁶⁸ Dari segi instrumen cukai, SSB secara global merangkumi empat jenis utama – cukai eksais, cukai import, GST/VAT dan cukai jualan. Malaysia melaksanakan cukai SSB, iaitu dikenakan pada peringkat pengeluaran atau import, bukan pada jualan akhir. Walau apa pun kaedah percukaian, kos ini lazimnya akan dipindahkan kepada pengguna. Oleh itu, perbandingan yang lebih bermakna adalah terhadap had ambang gula Malaysia sebanyak 5g/100ml berbanding piawaian di negara lain.

Merujuk kepada pangkalan data cukai SSB, daripada 132 model cukai tersebut, hanya 21 yang menetapkan ambang kandungan gula (termasuk Malaysia), yang mewujudkan zon bebas cukai.⁶⁹ Rasional di sebalik ambang ini adalah berasaskan kesihatan, iaitu untuk menggalakkan pengeluaran merumus semula produk bagi mengurangkan kandungan gula secara keseluruhan.

Struktur cukai Malaysia mempunyai persamaan dari segi ambang 5g/100ml, kerana banyak negara lain turut menetapkan had sekitar paras tersebut (Jadual 2). Namun, perbezaan ketara ialah Malaysia menggunakan kadar rata berasaskan isi padu sebanyak 40 sen/liter, manakala negara seperti United Kingdom dan Ireland menggunakan kadar berperingkat mengikut isi padu. Kelebihan sistem berperingkat ialah ia menyelaraskan beban cukai dengan tahap kemudaran kesihatan (lebih gula = lebih cukai), menjadikannya lebih seimbang dan mudah dipertahankan dari segi politik. Sebaliknya, Afrika Selatan mengambil pendekatan yang lebih tegas dengan menggunakan struktur cukai berasaskan kandungan gula mutlak. Kajian menunjukkan cukai berperingkat atau berasaskan kandungan gula mutlak mampu menghasilkan manfaat kesihatan dan ekonomi yang paling besar.⁷⁰ Sebaliknya, sistem cukai berasaskan isi padu didapati mempunyai kesan paling lemah dalam jangka panjang, terutamanya kerana insentif yang tidak mencukupi untuk mendorong industri merumus semula minuman mereka.

Jadual A1. Perbandingan cukai SSB global

| Negara | Jenis cukai | Struktur | Ambang atau peringkat | Produk |
|----------------|-----------------------|---|---|---|
| Malaysia | Isi padu | 50 sen seliter | ≥5g gula/10ml (untuk minuman sedia diminum) ≥12g/100g (untuk serbuk prabancuh) | Minuman berkarbonat, berperisa dan serbuk prabancuh |
| United Kingdom | Berperingkat | 18 pens seliter (5-8g gula/100ml) 24 pens seliter (>8g gula/100 ml) | <5g: tiada cukai 5-8g: kadar lebih rendah >8g: kadar lebih tinggi | Minuman ringan, tidak termasuk jus buah-buahan, dan minuman berasaskan susu |
| Ireland | Berperingkat | 16 sen seliter (5-8g gula/100ml) 24 sen seliter (>8g gula/100ml) | Sama seperti UK | Minuman berasaskan air dan jus dengan gula tambahan |
| Mexico | Isi padu | 1 peso seliter | Cukai rata | Minuman bergula bukan tenusu, termasuk minuman soda dan air berperisa |
| Afrika Selatan | Kandungan gula mutlak | 0.021 rand seliter bagi setiap gram gula melebihi 4g/100ml | 4g/100ml pertama dikecualikan. Cukai dikenakan ke atas kandungan gula melebihi ambang ini | Semua minuman bukan alkohol dengan pemanis berkalori tambahan |

Sumber: ilustrasi penulis. Data: Cukai SSB Bank Dunia (2025)⁷¹

Pengiraan struktur cukai berasaskan isi padu

Persamaan cukai:

$$\text{Cukai(RM)} = T \times V$$

harga selepas cukai:

$$P_1 = P_0 + (T \times V)$$

di mana:

- V = isi padu minuman (dalam liter)
- T = kadar cukai bagi setiap liter (50 sen)
- P_0 = harga sebelum cukai (RM)
- P_1 = harga selepas cukai (RM)

Jadual A2. Apabila isi padu minuman berkurangan, jumlah cukai turut berkurangan

| Isi padu (ml) | Gula (g) | Sebelum (RM) | Cukai (RM) | % kenaikan cukai |
|---------------|----------|--------------|------------|------------------|
| 1,500 | 75 | 3.15 | 75 sen | 24% |
| 500 | 25 | 2.20 | 25 sen | 11% |
| 320 | 16 | 1.54 | 16 sen | 11% |

Sumber: pengiraan penulis berdasarkan harga SSB yang dijual di Lotus (2025)

Minuman kedai mamak atau minuman yang disediakan secara segar di Malaysia

Jadual A3 adalah pecahan terperinci mengenai purata kandungan gula dan kalori dalam minuman yang lazim dijual di restoran mamak.

Jadual A3. Senarai minuman yang dijual di kedai mamak

| Minuman | Kandungan gula | Kalori |
|-----------------------|----------------|--------|
| Teh tarik | 26 | 177 |
| Teh ais | 30 | 189 |
| Teh O limau ais/panas | 30 | 118 |
| Teh O | 23 | 88 |
| Teh C | 17 | 169 |
| Kopi | 24 | 145 |
| Kopi O | 23 | 88 |
| Kopi C | 12 | 169 |
| Nescafe | 16 | 100 |
| Neslo | 24 | 149 |
| Milo biasa | 12 | 187 |
| Milo dinosaur | 38.2 | 294 |
| Milo kosong | 12.3 | 124 |
| Horlicks biasa | 27.5 | 190 |
| Horlicks O | 17.5 | 127 |
| Limau ais/panas | 30 | 118 |
| Teh halia | 12 | 74 |
| Air kelapa | 14 | 55 |
| Sirap bandung | 32 | 152 |
| Sirap | 24 | 96 |

Sumber: ilustrasi penulis berdasarkan data daripada HealthWorks Malaysia (2021)⁷²

Nutri-score

Jadual A4 memaparkan penggredan nutri-score bagi ramuan yang lazim terdapat dalam minuman SSB sedia diminum. Jadual A5 pula menunjukkan skala penggredan, yang menterjemahkan skor terkumpul kepada gred abjad.

Jadual A4. Kriteria nutrien negatif adalah lebih banyak berbanding nutrien positif

| Nutrien negatif (mata -) | | | Positif (mata +) | | |
|--------------------------|---|-------------------------|---|---|-------------------------|
| Tenaga | 0 mata \leq 30 kJ 10 mata $>$ 390 kJ | Peruntukan tidak linear | Protein | 0 mata \leq 1.2 g 7 mata $>$ 3.0 g | 0.3 g bagi setiap mata |
| Gula | 0 mata \leq 0.5 g 10 mata $>$ 11 g | Peruntukan tidak linear | Serat | 0 mata \leq 3 g 5 mata $>$ 7.4 g | 1.1 g bagi setiap mata |
| Lemak tepu | 0 mata \leq 1 g 10 mata $>$ 10 g | 1 g bagi setiap mata | Buah-buahan, sayur-sayuran dan kekacang | 0 mata \leq 40% 6 mata $>$ 80% | Peruntukan tidak linear |
| Garam | 0 mata \leq 0.2 g 20 mata $>$ 4 g | 0.2 g bagi setiap mata | - | - | - |
| Pemanis bukan nutrisi | Tersedia | 4 mata | - | - | - |

Sumber: kemas kini Nutri-score 2023 (Merz, et al., 2024)

Jadual A5. Sistem penggredan Nutri-score, 2023

| Skor | Gred |
|--------------------|------|
| Air, 0 | A |
| 0 hingga 2 | B |
| 3 hingga 6 | C |
| 7 hingga 9 | D |
| 10 hingga maksimum | E |

Sumber: kemas kini Nutri-score 2023 (Merz, et al., 2024)

Pengiraan potensi hasil cukai

Andaian:

- Jumlah tahunan minuman SSB sedia diminum:
 $Q_0 = 1.9 \times 10^9$, liter
- Kandungan gula:
4.8g per 100ml = 48g per liter
- Kadar cukai:
 $\tau_g = 2$ sen bagi setiap gram gula
 $\tau_l = 48 \times 0.02 = 96$ sen per liter
- Keanjalan permintaan:
 $\epsilon = -0.173$
- Harga bagi 1 liter minuman SSB:
1 liter = RM2.10
- Pemindahan penuh cukai kepada pengguna

Persamaan:

Pelarasan kuantiti penggunaan Q_1 :

$$Q_1 = Q_0 \left(1 + \epsilon \frac{\tau_l}{P_0} \right)$$

Hasil cukai terlaras keanjalan

$$TR_{\text{terlaras}} = Q_1 \tau_l$$

Pengiraan:

$$\begin{aligned} Q_1 &= 1.9 \times 10^9 \left(1 + (-0.173) \frac{0.96}{2.1} \right) \\ &= 1.9 \times 10^9 (1 - 0.0791) \\ &= 1.7497 \times 10^9 \end{aligned}$$

Oleh itu,

$$\begin{aligned} TR_{\text{terlaras}} &= 1.7497 \times 10^9 \times 0.96 \\ &= \text{RM } 1,679,712,000 \end{aligned}$$

Nota kaki dan rujukan

- 1 Ministry of Health Malaysia. (2024). National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2024: Nutrition fact sheet. Institute for Public Health, National Institutes of Health. https://iku.nih.gov.my/images/nhms2024/fact_sheet_nhms2024.pdf
 - 2 Huang, Y., Chen, Z., Chen, B., Li, J., Yuan, X., Li, J., Wang, W., Dai, T., Chen, H., Wang, Y., Wang, R., Wang, P., Guo, J., Dong, Q., Liu, C., Wei, Q., Cao, D., and Liu, L. (2023). Dietary sugar consumption and health: Umbrella review. *BMJ*, 381, e071609. <https://doi.org/10.1136/bmj-2022-071609>
 - 3 Talha, M. (2023). World Sugar Dataset 2018–2024 [Data set]. Kaggle. <https://doi.org/10.34740/KAGGLE/DS/3721343>
 - 4 Ministry of Health Malaysia. (2024).
 - 5 Talha, M. (2023).
 - 6 Huang, Y., Chen, Z., Chen, B., Li, J., Yuan, X., Li, J., Wang, W., Dai, T., Chen, H., Wang, Y., Wang, R., Wang, P., Guo, J., Dong, Q., Liu, C., Wei, Q., Cao, D., and Liu, L. (2023).
 - 7 Stanhope, K. L. (2016). Sugar consumption, metabolic disease and obesity: The state of the controversy. *Critical Reviews in Clinical Laboratory Sciences*, 53(1), 52–67. <https://doi.org/10.3109/10408363.2015.1084990>
 - 8 Ibid
 - 9 Malik, V. S., Li, Y., Pan, A., de Koning, L., Schernhammer, E., Willett, W. C., and Hu, F. B. (2019). Long-Term Consumption of Sugar-Sweetened and Artificially Sweetened Beverages and Risk of Mortality in US Adults. *Circulation*, 139(18), 2113–2125. <https://doi.org/10.1161/CIRCULATIONAHA.118.037401>
 - 10 World Health Organization. (2025). Age-standardized prevalence of obesity among adults (18+ years) [Indicator]. <https://data.who.int/indicators/i/C6262EC/BEFA58B>
 - 11 Ministry of Health Malaysia. (1986). National Health and Morbidity Survey 1996. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-1996>
- Mustaffa, B. E. (1990). *Diabetes in Malaysia: Problems and challenges*. Medical Journal of Malaysia, 45(1), 1–6. https://www.e-mjm.org/1990/v45n1/Diabetes_in_Malaysia.pdf
- Ministry of Health Malaysia. (1996). *National Health and Morbidity Survey 1996*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-1996>
- Ministry of Health Malaysia. (2006). *National Health and Morbidity Survey 2006*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-2006>
- Ministry of Health Malaysia. (2011). *National Health and Morbidity Survey 2011*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-2011>
- Ministry of Health Malaysia. (2015). *National Health and Morbidity Survey 2015*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-2015>
- Ministry of Health Malaysia. (2018). *National Health and Morbidity Survey 2018*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-2018>
- Ministry of Health Malaysia. (2019). *National Health and Morbidity Survey 2019*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-2019>

- Ministry of Health Malaysia. (2023). *National Health and Morbidity Survey 2023*. Ministry of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms-2023>
- International Diabetes Federation. (2025). *Malaysia: Country data and trends*. Diabetes Atlas. <https://diabetesatlas.org/data-by-location/country/malaysia/>
- 12 World Health Organization Regional Office for the Western Pacific. (2024). *Prevention and control of noncommunicable diseases in Malaysia: The case for investment* (Task Force on NCDs, UN Inter-Agency). https://cdn.who.int/media/docs/default-source/wpro---documents/countries/malaysia/prevention-and-control-of-ncds-in-malaysia---investment-case.pdf?sfvrsn=7627bede_1&download=true
- 13 Ibid.
- 14 Ibid.
- 15 Ibid.
- 16 Open Data Malaysia. (2024). Annual budget allocation for the Ministry of Health (B/P.42). Ministry of Finance Malaysia. https://data.gov.my/data-catalogue/federal_budget_moh
- 17 Health Malaysia, M. of. (2024). Guidelines on healthier choice logo malaysia (Third Revision). Nutrition Division, Ministry of Health Malaysia. <https://hq.moh.gov.my/nutrition/>
- 18 Ministry of Health Malaysia. (2025). Product list. MyHCL. <https://myhcl.moh.gov.my/index.php/site/productlist>
- 19 Ibid.
- 20 Department, R. M. C. (2024). Sugar-sweetened beverage (SSB) tax guidelines. https://www.customs.gov.my/en/pg/Pages/pg_mainssb.aspx
- 21 Malay Mail. (2019). Malaysians to cut back on soft drinks once sugar tax kicks in, survey finds. Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2019/06/30/malaysians-to-cut-back-on-soft-drinks-once-sugar-tax-kicks-in-survey-finds/1766812>
- 22 Department, R. M. C. (2024)
- 23 Deloitte. (2022). Expansion of excise duty on sugar-sweetened beverages postponed. https://www.taxathand.com/article/23191/Malaysia/2022/Expansion-of-excise-duty-on-sugar-sweetened-beverages-postponed?utm_source=chatgpt.com
- 24 Lee, E. (2024). Hike on sugary drinks tax does not erode beverage counters' outlook. The Edge Malaysia. <https://theedgemaalaysia.com/node/734507>
- 25 Ibid.
- 26 Ismail, N. A., Daud, L., Mohd, S., and Mohd Hashim, I. H. (2024). An analysis of sugar-sweetened beverages elasticity of demand in malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 58(1), 67—76. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17576/JEM-2024-5801-5>
- 27 Mohamed Nor, N., Bui Kher Thinng, W., Veerman, J. L., Ibrahim, N. S., Mohamad, F. Z., and Ibrahim, S. (2021). Price elasticity of demand and the impact of taxing sugar-sweetened beverages in malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 21(1), 223—229. <https://doi.org/10.37268/mjphm/vol.21/no.1/art.794>
- 28 World Bank. (2020). Sugar-sweetened beverage taxes: Evidence and experiences. World Bank. <https://thedocs.worldbank.org/en/doc/d9612c480991c5408edca33d54e2028a-0390062021/original/World-Bank-2020-SSB-Taxes-Evidence-and-Experiences.pdf>

- 29 Lee, Y., Mozaffarian, D., Sy, S., Liu, J., Wilde, P. E., Marklund, M., Abrahams-Gessel, S., Gaziano, T. A., and Micha, R. (2020). Health impact and cost-effectiveness of volume, tiered, and absolute sugar content sugar-sweetened beverage tax policies in the United States: A microsimulation study. *Circulation*, 142(6), 523–534. <https://doi.org/10.1161/CIRCULATIONAHA.119.042956>
- 30 Lotus. (2025). *Coca-cola pricing list in Lotus website*. Lotus's. <https://www.lotuss.com.my/en/search/coca?sort=relevance:DESC>
- 31 Ministry of Health Malaysia. (2024).
- 32 Khalib, A. M. (2024). Sugar should no longer be a controlled item under the price control and anti-profiteering act 2011. <https://codeblue.galencentre.org/2024/05/sugar-should-no-longer-be-a-controlled-item-under-the-price-control-and-anti-profiteering-act-2011-azrul-mohd-khalib/>
- 33 Ibid.
- 34 Ministry of Health Malaysia. (2024). *Technical report on the impact and effectiveness of SSB taxation in Malaysia*. <https://hq.moh.gov.my/nutrition/wp-content/uploads/2025/10/Ministry-of-Health-2024-Technical-Report-on-the-Impact-Effectiveness-of-SSB-Taxation-in-Malaysia.pdf>
- 35 Ministry of Finance Malaysia. (2025). *Refined sugar or white sugar remains tax-free under SST revision - MOF*. <https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-citations/refined-sugar-or-white-sugar-remains-tax-free-under-sst-revision-mof>
- 36 Merz, B., Temme, E., Alexiou, H., et al. (2024). Nutri-Score 2023 update. *Nature Food*, 5(1), 102–110. <https://doi.org/10.1038/s43016-024-00920-3>
- 37 Boyland, E. J., Nolan, S., Kelly, B., Tudur-Smith, C., Jones, A., Halford, J. C. G., and Robinson, E. (2016). Advertising as a cue to consume: A systematic review and meta-analysis of the effects of acute exposure to unhealthy food and nonalcoholic beverage advertising on intake in children and adults. *The American Journal of Clinical Nutrition*, 103(2), 519–533. <https://doi.org/10.3945/ajcn.115.120022>
- 38 Mediano Stoltze, F., Correa, T., Corvalán Aguilar, C. L., Taillie, L. S., Reyes, M., and Dillman Carpentier, F. R. (2024). Beverage industry TV advertising shifts after a stepwise mandatory food marketing restriction: Achievements and challenges with regulating the food marketing environment. *Public Health Nutrition*, 27(1), e26. <https://doi.org/10.1017/S1368980023002872>
- 39 Ibid.
- 40 Chaffee, B. W., Werts, M., White, J. S., Couch, E. T., Urata, J., Cheng, J., and Kearns, C. (2021). Beverage advertisement receptivity associated with sugary drink intake and harm perceptions among California adolescents. *American Journal of Health Promotion*, 35(4), 525–532. <https://doi.org/10.1177/0890117120969057>
- 41 Tsochantaridou, A., Sergentanis, T. N., Grammatikopoulou, M. G., Merakou, K., Vassilakou, T., and Kornarou, E. (2023). Food advertisement and dietary choices in adolescents: An overview of recent studies. *Children*, 10(3), 442. <https://doi.org/10.3390/children10030442>
- 42 DPO International. (2018). *Milo, Ovaltine, Vico, Horlicks: Which is more nutritious?*. <https://dpointernational.com/wp-content/uploads/2018/02/Milo-Ovaltine-Vico-Horlicks-Which-is-more-nutritious.pdf>
- 43 Ministry of Health Malaysia. (2023). Study on the acceptance and effectiveness of Healthier Choice Logo (HCL) among consumers and industries – Key findings report. Nutrition Division, Ministry of Health Malaysia. https://myhcl.moh.gov.my/assets/doc/hcl_key_report.pdf

- 44 World Economic Forum. (2023). Morocco's energy subsidy phase-out program. <https://initiatives.weforum.org/equitable-transition-initiative/case-study-details/morocco%E2%80%99s-energy-subsidy-phase-out-program/aJYTG000000T214AE>
- 45 Khalib, A. M. (2024).
- 46 Lee, Y., Mozaffarian, D., Sy, S., Liu, J., Wilde, P. E., Marklund, M., Abrahams-Gessel, S., Gaziano, T. A., and Micha, R. (2020).
- 47 World Bank. (2020).
- 48 Ministry of Health Malaysia. (2024). National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2024: Nutrition fact sheet. Institute for Public Health, National Institutes of Health. https://iku.nih.gov.my/images/nhms2024/fact_sheet_nhms2024.pdf
- 49 Merz, B., Temme, E., Alexiou, H., et al. (2024).
- 50 Antikwar. (2024). *Nutri-Score icons, 5-Colour Nutrition label*. Shutterstock. <https://www.shutterstock.com/image-vector/nutri-score-icons-5-colour-nutrition-2435277583>
- 51 Akker, K. van den, Bartelet, D., Brouwer, L., Luijpers, S., Nap, T., and Havermans, R. (2022). The impact of the nutri-score on food choice: A choice experiment in a dutch supermarket. *Appetite*, 168, 105664. <https://doi.org/10.1016/j.appet.2021.105664>
- 52 Ducrot, P., Julia, C., and Serry, A. J. (2022). Nutri-Score: Awareness, perception and self-reported impact on food choices among French adolescents. *Nutrients*, 14(15), 3119. <https://doi.org/10.3390/nu14153119>
- 53 Akker, K. van den, Bartelet, D., Brouwer, L., Luijpers, S., Nap, T., and Havermans, R. (2022).
- 54 Chetty, R., Looney, A., and Kroft, K. (2009). Salience and taxation: Theory and evidence. *American Economic Review*, 99(4), 1145–1177. <https://doi.org/10.1257/aer.99.4.1145>
- 55 Ibid.
- 56 Ibid.
- 57 Hall, M. G., Ruggles, P. R., McNeel, K., Prestemon, C. E., Lee, C. J. Y., Lowery, C. M., Campos, A. D., and Taillie, L. S. (2024). Understanding whether price tag messaging can amplify the benefits of taxes: An online experiment. *American Journal of Preventive Medicine*, 66(4), 609–618. <https://doi.org/10.1016/j.amepre.2023.11.020>
- 58 Ong, G. R., Sameeha, M. J., Narayanan, S. S., Chinna, K., Kelly, B., Mackay, S., Swinburn, B., and Karupaiah, T. (2025). Scrutinizing the impact of two self-regulation policies on unhealthy food marketing in children's popular television in Malaysia: A multiple-year repeated evaluation using a harmonized protocol. *Global Health Action*, 18(1), 2543617. <https://doi.org/10.1080/16549716.2025.2543617>
- 59 Dillman Carpenter, F. R., Stoltze, F. M., and Popkin, B. M. (2023). Comprehensive mandatory policies are needed to fully protect all children from unhealthy food marketing. *PLoS Medicine*, 20(9), e1004291. <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1004291>
- 60 Ong, G. R., Sameeha, M. J., Narayanan, S. S., Chinna, K., Kelly, B., Mackay, S., Swinburn, B., and Karupaiah, T. (2025). Scrutinizing the impact of two self-regulation policies on unhealthy food marketing in children's popular television in Malaysia: A multiple-year repeated evaluation using a harmonized protocol. *Global Health Action*, 18(1), 2543617. <https://doi.org/10.1080/16549716.2025.2543617>

- 61 Taillie, L. S., Reyes, M., Colchero, M. A., Popkin, B., and Corvalán, C. (2020). An evaluation of Chile's Law of Food Labeling and Advertising on sugar-sweetened beverage purchases from 2015 to 2017: A before-and-after study. *PLOS Medicine*, 17(2), e1003015. <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1003015>
- 62 Department of Health and Social Care. (2024). Here are the facts about our junk food ban. *GOV.UK Blog*. <https://healthmedia.blog.gov.uk/2024/12/06/here-are-the-facts-about-our-junk-food-ban/>
- 63 Ng, S., Kelly, B., Yeatman, H., Swinburn, B., and Karupaiah, T. (2021). Policy inertia on regulating food marketing to children: A case study of Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(18), 9607. <https://doi.org/10.3390/ijerph18189607>
- 64 Samuelson, W., and Zeckhauser, R. (1988). *Status quo bias in decision making*. *Journal of Risk and Uncertainty*, 1(1), 7–59. https://scholar.harvard.edu/files/rzeckhauser/files/status_quo_bias_in_decision_making.pdf
- 65 Singapore, H. P. B. (2025). Siu dai by default: A national movement to reduce sugar in beverages. <https://www.hpb.gov.sg/newsroom/article/siu-dai-by-default-a-national-movement-to-reduce-sugar-in-beverages>
- 66 Loheswar, R. (2024). Health Ministry's 'Kurang Manis' pilot campaign in Putrajaya struggles to sway taste buds. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/17/health-ministrys-kurang-manis-pilot-campaign-in-putrajaya-struggles-to-sway-taste-buds/127057>
- 67 Mok, O. (2017). *Pelita: Malaysia's largest chain of nasi kandar restaurants began in Butterworth*. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2017/01/26/pelita-malaysias-largest-chain-of-nasi-kandar-restaurants-began-in-butterwo/1291617>
- Sharma, A. (2023). *Malaysia's OLDTOWN White Coffee eyes expansion to 50 new outlets in 2023*. *Top Franchise Asia*. <https://www.topfranchiseasia.com/blog/trends/malaysias-oldtown-white-coffee-eyes-expansion-to-50-new-outlets-in-2023>
- 68 World Bank. (2025). *SSB Tax Tool: Global database on sugar-sweetened beverage taxation*. <https://ssbtax.worldbank.org/>
- 69 Ibid.
- 70 Lee, Y., Mozaffarian, D., Sy, S., Liu, J., Wilde, P. E., Marklund, M., Abrahams-Gessel, S., Gaziano, T. A., and Micha, R. (2020).
- 71 World Bank. (2025)
- 72 HealthWorks Malaysia. (2025). *Infographic: How much sugar are you drinking at the mamak stall?* <https://www.healthworks.my/mamak-stall-sugar/>



**INSTITUTE OF STRATEGIC &
INTERNATIONAL STUDIES
(ISIS) MALAYSIA**

Address 1, Persiaran Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur, Malaysia
Phone 603 2693 9366
E-mail info@isis.org.my

 www.isis.org.my |  [ISIS_MY](#)

 [ISISMalaysia](#) |  [isis-malaysia](#)

 [isis_malaysia](#)